




Penyataan Polisi Anti-Rasuah

Tradewinds Plantation Berhad (TPB) komited dalam dalam menjalankan perniagaan dengan adil, telus dan bertanggungjawab yang melarang rasuah dan penyelewengan dalam semua operasi perniagaan. TPB mematuhi semua undang-undang anti-rasuah yang berkenaan dengan organisasi dan komited untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah mengikut ISO 37001: 2016 seiring dengan penambahbaikan berterusan.

TPB menyediakan pendekatan kepada semua pekerja TPB, pihak berkepentingan dan rakan niaga yang menyedari kemungkinan berlakunya salah laku untuk melaporkan perkara tersebut, dengan kepercayaan yang baik, tanpa rasa takut akan tindakan balas. TPB juga menyediakan saluran untuk mendedahkan perlakuan perniagaan yang tidak betul dan perlindungan diberikan kepada pekerja dan rakan niaga yang memberikan maklumat berkenaan salah laku berkenaan. Prosedur ini bukan untuk membatalkan Prosedur Pengaduan TPB tetapi untuk memberi pendekatan kepada pekerja untuk mendedahkan amalan perniagaan yang tidak betul.

Jawatankuasa Pematuhan Anti-Rasuah diberi kuasa oleh pihak pengurusan untuk menjalankan siasatan yang diperlukan, mendapatkan maklumat dan menyediakan laporan sulit kepada pihak pengurusan. Semua pekerja, pihak berkepentingan dan rakan niaga perlu memberikan kerjasama kepada ahli jawatankuasa yang dilantik.

Sekiranya polisi ini tidak dipatuhi, tindakan yang sepatutnya akan diambil sebagaimana yang ditentukan oleh buku panduan organisasi dan undang-undang berkaitan.


Datuk Syed Tamim Ansari bin Syed Mohamed
Pengerusi Eksekutif
1st September 2021